

17 FEB 1996

DR MAHATHIR MINTA RAKYAT AMAL TOLERANSI

KUALA LUMPUR, 17 Feb (bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sifat toleransi rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan juga kerjasama antara mereka sudah tentu akan mempertingkatkan lagi kestabilan negara ini.

Dalam perutusan Tahun Baru Cinanya beliau melahirkan rasa gembira kerana kemajuan ekonomi yang pesat dan juga keamanan yang berterusan telah membolehkan rakyat Malaysia menyambut perayaan masing-masing.

"Sikap dan semangat inilah yang mesti dikekalkan dan digalakkan supaya negara ini akan terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran," kata beliau.

Dr Mahathir juga menyeru rakyat Malaysia yang berbangsa lain supaya mengunjungi rumah terbuka rakan Cina mereka bagi memeriahkan lagi perayaan Tahun Baru Cina.

Katanya tahun ini agak unik kerana perayaan Tahun Baru Cina jatuh pada bulan puasa.

Ini bermakna rakan-rakan Islam tidak dapat menikmati juadah yang dihidangkan. Bagaimanapun mereka boleh juga mengunjungi rakan Cina mereka, kata beliau.

Umat Islam akan merayakan Hari Raya Aidilfitri sehari atau dua hari kemudian dan, menurut Perdana Menteri, ini akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia dari pelbagai kaum untuk mempererat lagi perhubungan mereka. -- BERNAMA

JM WAT MAI